

# Nik Aziz ubah pendirian

BH 14 OCT 2000

KOTA BHARU, Jumaat – Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengubah pendirian dan menyatakan perselesaiannya terhadap debat mengenai hak keistimewaan orang Melayu yang bakal diadakan antara Pergerakan Pemuda Umno dengan Dewan Pemuda Pas Pusat.

Bagaimanapun, beliau tetap menyifatkan debat antara sayap kanan kedua-dua parti itu tidak menyelesaikan masalah Melayu.

Ini kerana, katanya, soal menentukan sesuatu dasar berada di tangan presiden parti dan bukan pergerakan Pemuda, baik Umno mahupun Pas.

“Baguslah... debat ni tujuannya cari kebenaran, jadi saya setuju,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan kuliah mingguan di pejabat Pas negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas persetujuan pucuk pimpinan Umno dan Pas berhubung debat antara Pemuda masing-masing mengenai hak keistimewaan Melayu.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perdebatan itu perlu diadakan bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai hak berkenaan supaya mereka tidak keliru.

Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang pula, berkata pihaknya bersetuju supaya debat antara Pemuda Umno dengan Pas diadakan tetapi mesti dalam suasana penuh persaudaraan.

Bagaimanapun, kelmarin Nik Abdul Aziz dalam kenyataannya menganggap debat berkenaan sebagai sia-sia dan tidak dapat menyelesaikan masalah.

Sementara itu, di Alor Star, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menyokong pendapat timbalannya, Abdul Hadi Awang supaya diadakan debat mengenai hak keistimewaan Melayu antara Pemuda Pas dengan Pemuda Umno.

Pandangan mereka yang turut dikongsi Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun bercanggah dengan pendapat Mursyidul Am parti itu, Datuk Nik Aziz Nik Mat.

Fadzil yang mengemukakan pandangannya buat kali pertama berkata seperti Dr Mahathir, beliau berpendapat debat itu membantu mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat.